

16 JUN 2000

Mahathir-Eusoff/I

TEMPOH KHIDMAT EUSOFF CHIN MUNGKIN DILANJUTKAN

CYBERJAYA, 16 Jun (Bernama) -- Tempoh perkhidmatan Tun Mohd Eusoff Chin sebagai Ketua Hakim Negara mungkin dilanjutkan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Saya rasa tempoh perkhidmatan beliau akan dilanjutkan kerana kita perlu memastikan segala-galanya dalam keadaan bersedia sebelum sesuatu pertukaran," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Pusat Perisian Motorola di sini.

Beliau menyatakan demikian ketika ditanya sama ada tempoh perkhidmatan Eusoff akan dilanjiutkan.

Apabila ditanya berapa lama tempoh itu akan dilanjuutkan, Dr Mahathir berkata: "Saya tidak tahu."

Eusoff akan mencapai umur persaraan wajib 65 tahun pada 20 Jun ini.

Tempoh perkhidmatan Ketua Hakim Negara boleh dilanjutkan untuk masa tidak lebih enam bulan dari tarikh persaraan wajib setelah diluluskan oleh Yang di-Pertuan Agong.

Perkara 125 Perlembagaan Persekutuan menyebut bahawa Ketua Hakim Negara hendaklah memegang jawatan sehingga mencapai umur 65 tahun.

Semalam, Eusoff enggan mengulas apabila ditanya oleh pemberita di Kuantan sama ada beliau akan menerima jika kerajaan memutuskan untuk melanjutkan tempoh perkhidmatannya. Beliau berada di Kuantan bagi persidangan Majlis Hakim-hakim Malaysia.

Eusoff, yang dilahirkan di Batu Gajah, Perak pada 20 Jun 1935, menggantikan Tun Hamid Omar sebagai Ketua Hakim Negara pada 24 Sept 1994. Beliau merupakan hakim Mahkamah Agung dari 1992 dan Mahkamah Tinggi dari 1982.

Beliau memulakan kerjaya perundangannya sebagai majistret pada 1959 dan berkhidmat di Pulau Pinang, Alor Star dan Ipoh.

Ketika ditanya mengenai cadangan supaya bayaran perbicaraan dikenakan bagi kes sivil di makkamah tinggi untuk mengelakkan masalah kes tertangguh, Dr Mahathir berkata kerajaan perlu mengkaji cadangan itu dahulu.

"Saya tidak boleh memberi pendapat sebelum mengkajinya... saya seorang yang sangat berhati-hati terutama apabila bercakap dengan wartawan," kata beliau sambil berseloroh.

Eusoff dilaporkan sebagai berkata semalam bahawa yuran itu tidak akan dikenakan bagi kes yang membabitkan golongan miskin.

-- BERNAMA

RV ES NMO